24

SOALAN NO. 311

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN :

YB Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai penuh kesemua 385 projek / program untuk 2016 dan 75 projek / program untuk 2017 yang dinyatakan dalam jawapan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri kepada soalan Parlimen saya bertarikh 7 Ogos 2017, dengan menyatakan amaun peruntukan, lokasi, dan deskripsi untuk setiap satu projek / program yang disenaraikan.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi kawasan Parlimen Alor Setar bagi tahun 2016 dan 2017 (sehingga Jun 2017) adalah masing-masing RM3.414 juta untuk pelaksanaan 385 projek/program dan RM3.419 juta untuk 75 projek/program. Peruntukan ini meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil. Pecahan program/projek yang diluluskan di bawah peruntukan tersebut bagi kawasan Parlimen Alor Setar adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	2016		2017	
		Bil Projek	Kos (RM Juta)	Bil Projek	Kos (RM Juta)
1.	Keagamaan Islam	3	1.13	2	1.10
2.	Keagamaan Bukan Islam	5	0.04	0	0.00
3.	Pusat Kegiatan Masyarakat/Orang Ramai	0	0.00	2	0.30
4.	Pusat Pendidikan	2	0.63	0	0.00
5.	Bantuan Kebajikan Dan Kecemasan	7	0.03	3	0.01
6.	Program Sosial Masyarakat	254	1.37	68	2.01
7.	Infrastruktur Kecil	1	0.003	0	0.00

8.	Peralatan Dan Kelengkapan	113	0.20	0	0.00
Jumlah Keseluruhan		**385**	**3.41**	**75**	**3.42**

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (312)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]

SOALAN :

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan ekonomi negara dari segi KDNK, pelaburan asing, nilai mata wang, hutang negara, rizab kerajaan, kadar pengangguran, kadar inflasi. Apakah jangkaan ekonomi negara bagi tahun 2018.

28

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara telah merekodkan peningkatan sebanyak 5.9%, sejajar dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi global. Prestasi yang memberangsangkan ini telah dipacu oleh pertumbuhan dua digit sektor perdagangan luar dan disokong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri berikutan antara lain peningkatan pendapatan boleh guna individu hasil daripada bantuan khas yang diberikan oleh Kerajaan. Pelaburan sektor swasta juga berkembang mampan, terutamanya bagi segmen berkaitan minyak dan gas, infrastruktur serta elektrik dan elektronik (E&E). Dalam masa yang sama, kesemua sektor ekonomi utama turut mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara.

Pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh pada kadar 3.4%. Manakala kedudukan inflasi telah menunjukkan arah aliran

yang menurun, iaitu daripada 4.3% pada S1 2017 kepada 3.8% pada S3 2017.

Persekitaran Malaysia yang mesra pelabur dan kos perniagaan yang rendah juga telah berjaya menarik sejumlah besar pelaburan langsung asing. Bagi tempoh Januari – September 2017, negara berjaya menarik pelaburan langsung asing sebanyak RM36.4 bilion, terutamanya dalam sektor pembuatan dan kewangan, iaitu peningkatan sebanyak 6.6% berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Negara turut mencatatkan peningkatan lebihan dagangan yang tinggi berjumlah RM69.6 bilion, di mana eksport kasar telah melonjak sebanyak 21.3% bagi tempoh Januari – September 2017 berbanding 0.5% pada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh eksport barangan perkilangan, khususnya E&E, produk petroleum dan produk berasaskan minyak sawit.

Tukaran mata wang ringgit juga mengukuh susulan peningkatan permintaannya berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Pasaran mata wang asing kini lebih dipengaruhi oleh dasar fiskal dan monetari AS serta kesan kenaikan harga komoditi. Pada 14 November 2017, nilai tukaran mata wang ringgit berbanding dolar AS berada pada paras

30

RM4.19, iaitu pengukuhan sebanyak 7.0% berbanding kedudukan pada 30 Disember 2016.

Rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2017 pula masih mampan dengan jumlah RM428.9 bilion (bersamaan dengan AS$101.5 bilion), yakni mencukupi bagi membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan merupakan 1.1 kali saiz hutang luar negeri jangka pendek. Bagi tempoh yang sama, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM683.2 bilion atau 50.8% daripada KDNK.

Semasa pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lalu, Kerajaan telah mengunjurkan KDNK negara berkembang pada kadar 5.2 - 5.7% pada keseluruhan tahun ini dan 5.0 - 5.5% pada tahun 2018. Berdasarkan pencapaian ekonomi setakat ini yang memberangsangkan, sasaran rasmi pertumbuhan KDNK bagi tahun 2017 dan 2018 dijangka dapat dicapai sekiranya momentum pertumbuhan dapat dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

23 November 2017